



KERATAN AKHBAR

SURAT KHABAR	:	KOSMO
TARIKH	:	29/9/2019
JABATAN	:	PERHILITAN
KLASIFIKASI	:	PERHATIAN

Bangkai ditemui pemancing dengan kesan tembakan

Anak gajah pigmi mati terduduk

TAWAU – Kerajaan Sabah mahu tindakan tegas dikenakan kepada pembunuh anak gajah pigmi yang ditemui mati dengan kesan tembakan di Sungai Udm, Dumipas di Kalabakan dekat sini.

Pembantu Menteri Pelancongan, Kebudayaan dan Alam Sekitar Sabah, Assafal P Alian berkata, jika siasatan terhadap kematian gajah itu mengyurus kepada kes jenayah, maka tindakan tegas perlu diambil.

“Kita (kerajaan) berusaha keras menjaga hidupan liar alam semula jadi yang ada di negeri ini tetapi masih berlaku perkara seperti ini. Paling menyedihkan anak gajah itu

dibunuh, lepas itu diikat, kemudiannya dibuang ke sungai dengan kesan tembakan,” katanya kepada pemberita selepas *Tropical Rainforest Run* 2019 di sini semalam.

Menurut Assafal, kerajaan kesal dengan kejadian seumpama itu kerana individu tidak bertanggungjawab ini tidak dapat melihat kesungguhan dalam memelihara spesies dilindungi untuk generasi masa hadapan.

“Kita tidak mahu hidupan liar ini akhirnya tinggal dalam bentuk gambar atau penceritaan semata-mata. Kita (generasi hari ini) harus meninggalkan satu legasi baik untuk generasi masa hadapan,” katanya. Beliau dalam pada itu berka-

ta, kementeriannya sentiasa berusaha memperkemaskan Enakmen Pemuliharaan Hidupan Liar 1997 bagi mengekang aktiviti pembunuhan spesies haiwan dilindungi di Sabah.

Pada Khamis lalu, sekumpulan pemancing menemukan bangkai gajah pigmi di Sungai Udm, Dumipas di Kalabakan dekat sini dan dipercayai mati antara tiga hingga empat hari.

Gajah betina itu ditemui dalam keadaan terduduk berhampiran tebing sungai dan pemeriksaan awal pasukan Jabatan Hidupan Liar mengenai laka pada bahagian pipi, kepala, badan dan punggung gajah berkenaan akibat tembakan senjata api. – Berrama



KEADAAN bangkai gajah pigmi yang ditemui sekumpulan pemancing di Sungai Udm, Dumipas di Kalabakan, Tawau pada Khamis lalu.